

Headline	Jangan jadikan Shah Alam bahan uji kaji politik		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	14 Dec 2018	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	112,050
Page No	8	Readership	336,150
Language	Malay	ArticleSize	308 cm <sup>2</sup>
Journalist	MOHD. ASRON MUSTAPHA	AdValue	RM 6,087
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,262



**ANALISIS**

Oleh MOHD. ASRON MUSTAPHA

## Jangan jadikan Shah Alam bahan uji kaji politik

**KEHIDUPAN** di Shah Alam ini tenang sahaja. Masing-masing tahu membawa diri, seiring dengan bandar raya ini yang majoritinya didiami penduduk Melayu. Cuacanya juga tidak ‘mendera’, jika sekalipun hujan lebat pada sebelah petang, air yang bertukung cepat surut.

Begitu juga dengan suhu politik. Walaupun Shah Alam adalah pusat pentadbiran kerajaan negeri, tidak banyak percikan ‘api’ persengketaan yang timbul selepas pasca perebutan jawatan Menteri Besar. Jika ada ‘bara’ yang hendak menyala ia cepat-cepat dipadamkan.

Bukti baru-baru ini dalam isu papan tanda jalan berbahasa Cina yang menimbulkan keresahan dalam kalangan penduduk Shah Alam. Ia diselesaikan dengan baik hasil kebijaksanaan Sultan Sharafuddin Idris Shah, setelah kerajaan negeri dilihat ‘terlena’ dalam hal itu.

Namun, pada Selasa lalu, meskipun tiada ribut, tiada hujan di Shah Alam, tetapi bandar raya ini ‘digegarkan’ dengan cadangan Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abdul Samad, yang mahu menjadikan Shah Alam sebagai tapak uji kaji bagi pilihan raya kerajaan tempatan.

Suasana tenang bertukar riuh terutamanya mengapa Shah Alam mahu dikorbanan sebagai bahan uji kaji dan kenapa Khalid hendak menjadi hero dalam isu tersebut sedangkan Tun Dr. Mahathir Mohamad sudah menegaskan kerajaan tidak bercadang mahu melaksanakan pilihan raya itu.

Kedudukannya sebagai menteri dan Ahli Parlimen bukan tiket untuk Khalid memandai-mandai mencatur hidup penduduk Shah Alam. Walhal ketika cadangan itu dibuat, langsung tiada sesi perbincangan dibuat sedangkan warga Shah Alam adalah terpelajar dan majoriti golongan pertengahan.

Maka sebab itu, apabila Setiausaha Politik Menteri Besar Selangor, Borhan Aman Shah mempertikaikan Khalid secara terbuka semalam, ia memberi mesej jelas bahawa Menteri Wilayah

Persekutuan berkenaan tersilap memilih ‘padang’ untuk bermain politik.

Tentu sekali Khalid sedar, jika Setiausaha Politik Menteri Besar bersuara, ia mewakili pihak mana kerana bukan sangat soal tidak berbincang terlebih dahulu dengan pihak negeri, tetapi sistem yang sedia ada tidak sedikit pun mencacatkan perkhidmatan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Pilihan raya PBT pula bukan indikator kepada peningkatan perkhidmatan kerana terbukti ramai dalam kalangan ahli politik yang dipilih secara demokrasi pun terpalit dengan korupsi dan skandal peribadi.

Sepatutnya, perkara ini diteliti dengan cermat oleh semua pihak kerana perbezaan ketara demografi kaum antara bandar dan luar bandar memungkinkan pilihan raya PBT memberikan hasil yang salah serta tersasar daripada matlamat dan apa yang lebih merisaukan, keharmonian menjadi caganan.

Justeru, baik Khalid dan kesemua yang terlibat, tidak usahlah tergopoh-gapah mengejar populariti jangka pendek tanpa memikirkan kesan jangka panjang, kerana ada yang lebih penting perlu diselesaikan terlebih dahulu iaitu isu kos sara hidup rakyat.

Headline	PH seperti tiada kesepakatan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	14 Dec 2018	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	18	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	292 cm <sup>2</sup>
Journalist	HIDAYAH HAIROM	AdValue	RM 4,981
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,943



# PH seperti tiada kesepakatan

**Khalid perlu hormat bidang kuasa persekutuan dan negeri**

HIDAYAH HAIROM

SHAH ALAM

**A**hli Parlimen Shah Alam, Khalid Abdul Samad, perlu menghormati had bidang kuasa antara kerajaan Persekutuan dan kerajaan Negeri dan tidak sewenang-wenangnya membuat kenyataan untuk melaksanakan pilihanraya pihak berkuasa tempatan (PBT) tanpa merujuk kepada pihak yang berkaitan.

Ketua Pembangkang Selangor, Rizam Ismail, berkata, Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad telah memberi isyarat jelas bahawa pilihan raya PBT tidak akan dilaksanakan, justeru kenyataan Khalid dilihat seolah-olah bercanggah dengan konsep kesepakatan

yang sepatutnya dia-malkan dalam kerajaan.

Menurutnya, perkara berkaitan PBT adalah di bawah bidang kerajaan negeri, dan Khalid seharusnya merujuk kepada kerajaan Negeri terlebih dahulu sebelum membuat sebarang kenyataan.

"Ke gunaan Dr Mahathir tentang kemungkinan pilihanraya PBT boleh menggugat keharmonian sesama kaum di negara ini juga ada asasnya dan atas sebab ini jugalah pilihanraya PBT dimansuhkan sebelum ini."

"Kata putus yang dibuat Dr Mahathir sepatutnya dihormati dan disambut oleh kepimpinan PH, tambahan pula Khalid adalah menteri penuh kerajaan persekutuan.

"Kenyataan Khalid ini memberi gambaran bahawa beliau tidak menghormati kenyataan yang telah dibuat Dr Mahathir dan pada masa yang sama menunjukkan tiada kata



RIZAM

sepakat antara parti dalam PH berkenaan perkara ini," katanya semalam.

Beliau menambah, kerajaan PH wajar menentukan sama ada pilihanraya PBT baik atau tidak untuk dilaksanakan segera.

"Jika ia hendak dilakukan di Shah Alam, itu kena bin-cang dengan Menteri Besar, Amirudin Shari sama ada beliau setuju atau tidak.

"Saya sebagai ketua pembangkang Selangor setakat ini belum lagi berbincang bersama yang berhor-mat pembangkang yang lain berka-titan dengan isu pilihanraya PBT ini," katanya.

Bagaimanapun beliau tidak me-nolak pilihanraya PBT diperlukan sebagai sebuah negara yang meng-amalkan demokrasi, namun kerajaan negeri dan pusat perlu memberi keutamaan perkara lain yang mem-beri manfaat kepada rakyat.

Headline	Pilihan Raya PBT boleh dibuat dalam tempoh percubaan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	14 Dec 2018	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	18	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	163 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,780
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,341



## Pilihan Raya PBT boleh dibuat dalam tempoh percubaan

**SHAH ALAM** - Cadangan bagi melaksanakan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan (PBT) dilihat dapat dilaksanakan dalam tempoh percubaan dengan melibatkan beberapa kawasan lain yang bersesuaian.

Ahli Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) Zon 22, Muhammad Shakir Ameer Mohideen berkata, cadangan itu perlu dilaksanakan di kawasan yang mempunyai banyak isu dan ketirisan sebelum ini serta tidak hanya tertumpu di Parlimen Shah Alam sahaja.

"Bagi saya kalau nak buat di Shah Alam tiada halangan namun keutamaan pelaksanaan ini perlu dibuat di Kuala Lumpur kerana terdapat banyak kes dan isu timbul sebelum ini."

"Ini kerana seperti semua tahu, pilihan raya PBT ini adalah merupakan salah satu cara untuk meminamakan ketirisan," katanya.

Mengulas lanjut, Muhammad Shakir yang dilantik sebagai ahli majlis atas kuota DAP memaklumkan bahawa parti itu



MUHAMMAD SHAKIR

sentiasa memperjuangkan pilihan raya PBT sejak dahulu lagi sebelum tertubuhnya mana-mana gabungan di dalam PH.

"DAP tidak meletakkan perkara ini di dalam manifesto berikutnya setiap parti dalam PH perlu mengambil kira pandangan ahli gabungan," katanya.

Dalam pada itu, Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) Zon 17, Ahmad Akhir Pawan Chik berkata kajian menyeluruh perlu dibuat terlebih dahulu sebelum sebarang pelaksanaan lain dilakukan berhubung perkara itu.

Beliau berkata, walaupun negara ini mengamalkan prinsip demokrasi, namun isu-isu yang menimbulkan keimbangan masyarakat perlu diberi perhatian sewajarnya oleh pihak kerajaan sebelum sebarang pelaksanaan dibuat.

"Kita bantah cadangan (pilihan raya PBT) kerana ia masih belum dibincangkan di peringkat kerajaan negeri," katanya.

Headline	Tapak sampah haram dipantau		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	14 Dec 2018	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	22	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	237 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,043
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,128



## Tapak sampah haram dipantau



Kerja pembersihan sedang dijalankan.

**KLANG** - Majlis Perbandaran Klang (MPK) tidak teragak-agak untuk menangkap dan mengenakan tindakan tegas terhadap pihak yang dikesan membuang sampah di tapak sampah haram di daerah ini.

Yang Dipertua, Datuk Muhammad Yasid Bidin berkata, langkah tegas tersebut perlu diambil bagi menangani mereka yang berbuat demikian kerana tindakan mereka itu ternyata menyusahkan banyak pihak.

Menurutnya, pelbagai langkah dan usaha sudah dilakukan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) itu bagi mengatasi masalah pembuangan sampah haram.

"Kita melancarkan gerak kerja agresif secara dalaman dan pemantauan berkala serta penguatkuasaan berterusan.

"Kita juga membuat kerja-kerja pembersihan di tapak pembuangan sampah haram kerana selepas tapak tersebut dibersihkan, pihak tidak bertanggungjawab itu kembali membuang sampah di lokasi yang sama.

"Justeru, Skuad Pantas akan memantau keadaan di lokasi yang dikenal pasti itu diharap dapat memastikan

masalah itu tidak berulang," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengulas mengenai aduan kira-kira 1,000 keluarga di Bandar Armada Putra, di sini, yang kecewa dengan sikap segelintir pihak tidak bertanggungjawab apabila menjadikan kawasan kosong berhampiran perumahan mereka tempat pembuangan sampah.

Difahamkan, ia bukan masalah baharu sebaliknya berlarutan sejak sekian lama sehingga menimbulkan rasa kurang selesa dalam kalangan penduduk berikutnya kawasan itu berbau busuk dan mengundang pencemaran alam sekitar.

Dalam pada itu, MPK turut sentiasa memupuk kesedaran tentang nilai kebersihan dan keperluan mewujudkan satu persekitaran yang bersih di seluruh Klang dan menanam perasaan tanggungjawab awam di kalangan semua lapisan masyarakat.

"MPK mengajak masyarakat untuk membasmi pembuangan sampah dan bertanggungjawab menjadikan Klang sebagai 'daerah bebas sampah' bagi mewujudkan persekitaran yang harmoni dan boleh membuat aduan melalui aplikasi uAdu iView," katanya.

Headline	Lebih 40 ekor gagak ditembak		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	14 Dec 2018	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	22	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	180 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,070
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,211



## Lebih 40 ekor gagak ditembak

**KLANG** – Sejumlah 48 ekor gagak berjaya ditembak dalam Operasi Menembak Gagak yang dianjurkan Majlis Perbandaran Klang (MPK), baru-baru ini.

Pengarah Komunikasi Korporat MPK, Norfiza Mahfiz berkata, operasi tersebut dijalankan sebagai langkah membebaskan Klang daripada dikaitkan dengan burung pembangkai itu.

“Populasi gagak terlalu tinggi di daerah ini sehingga menyebabkan kacau ganggu kepada penduduk selain kekotoran daripada najis burung itu,” katanya.

Katanya, operasi berkenaan membabitkan kira-kira 18 kakitangan daripada Jabatan Kesihatan termasuk Penguatkuasa MPK dan polis bermula jam 8 pagi hingga 5 petang.

“Operasi ini dijalankan di sekitar Lebuh Jelutong Taman Selatan, Lorong Batu Unjur Taman Bayu Perdana, Bandar Botanik, Ambang Botanik, Jalan Sanggul dan Kerongsang Ban-



FOTO: SALURAN KOMUNIKASI MPKLANG

**Anggota penguatkuasa MPK memungut bangkai gagak mati.**

dar Puteri.

“Operasi turut diadakan di sepanjang Jalan Sri Mersing Taman Seri Andalas, Lorong Kristal Bandar Parklands, Port Klang Free Zone dan Jalan Tepi Sungai berdasarkan aduan yang diterima daripada orang awam.

“Operasi berjalan lancar dan berjaya menembak jatuh

48 ekor gagak menggunakan 176 butir peluru,” katanya.

Menurut beliau, tiada sebarang kecederaan dan kerosakan dilaporkan sepanjang operasi berlangsung.

“Kita mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan operasi ini,” katanya.

Headline	11 kompaun premis kotor		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	14 Dec 2018	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	23	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	404 cm <sup>2</sup>
Journalist	ARZIANA MOHMAD AZAMAN	AdValue	RM 6,891
Frequency	Daily	PR Value	RM 20,674



# 11 kompaun premis kotor

**MDKS tidak kompromi pengusaha gagal patuhi arahan**

ARZIANA MOHMAD AZAMAN

KUALA SELANGOR

**K**otor dan menjijikkan. Begitulah keadaan premis makanan di sekitar Pekan Lama Kuala Selangor dan Puncak Alam yang dikenakan 11 kompaun dalam satu operasi kebersihan makanan.

Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS), Rahilah Rahmat berkata, pengusaha premis terbabit dikenakan kompaun atas pelbagai kesalahan di

bawah Undang -Undang Kecil Pengendali Makanan (MDKS) 2007.

Menurutnya, kesalahan dikenal pasti adalah gagal membuktikan suntikan anti-Typhoid (TY2), tiada sijil pengendali makanan dan ruang penyediaan makanan yang kotor.

"Premis makanan yang kotor mengundang risiko keracunan makanan dan amat berbahaya kerana boleh merugut nyawa. Penyediaan makanan yang tidak bersih boleh menyebabkan penyakit bawaan makanan seperti demam tifoid dan kolera."

"MDKS sentiasa mengingatkan semua premis makanan supaya sentiasa memastikan penyediaan makanan yang bersih dan selamat," katanya kepada pemberita, di sini.

Rahilah berkata, beliau berharap setiap premis makanan yang betul selain



Premis makanan yang gagal menjaga kebersihan dikenakan tindakan tegas termasuk kompaun.

kebersihan dan mengamalkan pengendalian makanan yang betul selain

memastikan pembantu kedai mendapat suntikan TY2 dan menghadiri kursus

pengendalian makanan.

"MDKS turut menyarakkan orang ramai untuk

mengambil peluang menyertai kursus pengendalian makanan yang dianjurkan MDKS pada 29 Disember ini di Dewan Sri Siantan MDKS.

"MDKS tidak akan berkompromi dengan mana-mana pengusaha makanan yang didapati culas dalam aspek kebersihan premis mereka bahkan pemeriksaan secara berkala dari masa ke semasa akan dilaksanakan.

"Jika ingkar, tindakan kompaun atau tindakan menutup premis akan dikenakan serta merta kepada mereka yang gagal mematuhi Undang-Undang Kecil Pengendali Makanan (MDKS) 2007," katanya.

Beliau berkata, masyarakat turut digalakkan untuk menyuarakan aduan berkaitan perkhidmatan MDKS secara atas talian di selangor.spb.gov.my atau menghubungi 0332891439.

Headline	Jumlah mangsa banjir di SK Pasangan menurun		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	14 Dec 2018	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	23	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	279 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,759
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,277



## Jumlah mangsa banjir di SK Pasangan menurun

KUALA SELANGOR – Jumlah mangsa banjir yang ditempatkan di Pusat Pemindahan Banjir Sekolah Kebangsaan (SK) Pasangan menurun apabila kawasan terjejas mulai surut sepenuhnya.

Jumlah mangsa banjir melibatkan 169 orang daripada 52 keluarga yang dipindahkan sebelum ini menurun kepada 101 orang melibatkan 26 keluarga selepas mereka dibenarkan pulang secara berperingkat sejak kelmarin.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Kuala Selangor, Shamsul Shahril Badliza Mohd Noor menjelaskan, paras air dilaporkan mulai surut sedikit manakala cuaca di pusat pemindahan baik.

“Ada beberapa keluarga dibenarkan pulang selepas rumah mereka disahkan selamat bagaimanapun masih ada lagi kawasan di Kampung Asahanyang masih belum surut sepenuhnya.

“Setakat ini, seramai 26 lelaki dewasa, 25 perempuan dewasa, 28 kanak-kanak dan bayi serta 20 warga emas masih ditempatkan di pusat pemindahan banjir yang dipantau agensi kerajaan seperti petugas JKM, anggota APM, Rela dan polis,” katanya.

Shamsul Shahril Badliza turut memaklumkan, satu pusat pemindahan banjir dibuka di SK Seri

Gambut selepas satu keluarga melibatkan tujuh mangsa dipindahkan berikutan rumah dinaiki air di Blok B Sawah Sempadan.

“Pasangan suami isteri bersama lima anaknya termasuk seorang bayi mula dipindahkan pada 10 Disember lalu pada jam 3petang selepas kawasan

rumah mereka dinaiki air pada jam 10 pagi.

“Setakat laporan yang diterima, paras air dilaporkan ada sedikit penurunan dan cuaca ketika ini masih baik. Agensi kerajaan turut memantau kawasan pusat pemindahan banjir dari masa ke semasa,” katanya.



Anggota APM Daerah Kuala Selangor membantu membawa mangsa banjir selepas mereka dibenarkan pulang sejak kelmarin.

Headline	Penduduk diminta manfaat aplikasi Sparks		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	14 Dec 2018	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	23	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	124 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,115
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,345



## Penduduk diminta manfaat aplikasi Sparks

**SAUJANA UTAMA** – Penduduk khususnya pemegang harta tanah di kawasan Saujana Utama perlu memanfaatkan aplikasi Sistem Pengurusan Aduan Rakyat Kuala Selangor untuk menyalurkan aduan.

Ahli Majlis Daerah Kuala Selangor Zon 8A, Khider Abdul Rahim menjelaskan, aplikasi atas talian ini penting bagi memastikan aduan penduduk disalurkan dengan betul untuk tindakan susulan.

“Penduduk juga boleh memuat turun aplikasi ini di [sparks.mdks.gov.my](http://sparks.mdks.gov.my) dan pejabat saya juga dibuka di No 38, Jalan Dahlia 3, Saujana Utama bagi memudahkan urusan bagi bersama menambah baik kualiti perkhidmatan pihak berkuasa tempatan (PBT).

“Insya-ALLAH, pelbagai program komuniti dirancang melibatkan penduduk setempat, agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) pada masa akan datang,” katanya kepada Sinar Harian.

Majlis pembukaan Pejabat Ahli Majlis Zon 8 Saujana Utama disempurnakan Pegawai Khas Ahli Parlimen Subang, Johari Itam dan dibuka bermula jam 9 pagi sehingga 5 petang pada Isnin, Rabu dan Jumaat.



**KHIDER**

Headline	Dilanda banjir kilat satu jam		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	14 Dec 2018	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	24	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	240 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,094
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,282



## Dilanda banjir kilat satu jam

**BATANG KALI** - Sebuah rumah di Taman Desa Jaya di Kampung Sungai Masin, di sini dilanda banjir kilat, kira-kira jam 5 petang, kelmarin.

Hujan lebat mengakibatkan saluran parit utama berhampiran kediaman itu melimpah memasuki dalam rumah setinggi hampir 0.3 meter.

Bencana itu turut menyebabkan sebuah kereta di perkarangan rumah digenangi air selain menjaskan perka-

kas dan perabot.

Pegawai Pertahanan Awam Daerah Hulu Selangor, Kapten (PA) Hilmie Husman berkata, pihaknya menerima panggilan berhubung kejadian tersebut pada jam 5.56 petang.

Menurutnya, tujuh anggota ke lokasi kejadian melibatkan sebuah rumah yang didiami empat beranak termasuk seorang warga emas.

"Banjir kilat hanya berlaku dalam tempoh hampir

satu jam berikutan limpahan air dari longkang utama sebelum air kembali surut sepenuhnya.

"Mangsa terlibat melakukan kerja pembersihan kesan banjir kilat dan menurut mangsa, limpahan air berlaku akibat hujan lebat dari kebiasaan."

"Anggota melakukan pemantauan dan keadaan sekitar terkawal serta tidak melibatkan perpindahan mangsa atau kecederaan," katanya.



Limpahan air dari longkang utama menyebabkan kawasan rumah itu dilanda banjir kilat.

Headline	Tambat hati penduduk sertai aktiviti setempat		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	14 Dec 2018	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	24	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	216 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,684
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,052



## Tambat hati penduduk sertai aktiviti setempat



June Leow (kiri) menghadiri program Hari Keluarga Apartmen Anggerik 3 yang turut dihadiri Adun Batang Kali, Harumaini Omar.

**BUKIT SENTOSA** - Setiap persatuan penduduk disaraskan mengadakan program kemasyarakatan berbentuk riadah keluarga bagi mengukuhkan semangat kejiranan.

Ahli Parlimen Hulu Selangor, June Leow Hsiad Hui berkata, jawatankuasa perlu memainkan peranan memastikan program itu disertai semua peringkat usia dan bangsa terutamanya remaja.

Menurutnya, usaha sedemikian mengeratkan hubungan silaturahim antara penduduk yang berbagai latar belakang

sekaligus mengelak persengketaan serius.

"Program riadah atau berbentuk kempen kesedaran dapat mendidik anak-anak supaya bergaul dengan jiran tetangga dan saling menghormati.

"Bukan sahaja berjaya menganjurkan program sebaliknya berjaya menambat hati penduduk apabila mengambil bahagian dalam acara diadakan.

"Persepakatan dan permuafakatan yang terjalin dapat menjamin kehidupan berkualiti selain anak-anak membesar di persekitaran harmoni," katanya.

Headline	Sinar baharu buat tujuh beranak		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	14 Dec 2018	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	24	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	352 cm <sup>2</sup>
Journalist	MOHD RIDZUAN ABU HASSAN	AdValue	RM 6,004
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,013



# Sinar baharu buat tujuh beranak

*LZS jejak, salur bantuan sewajarnya untuk kehidupan lebih baik*

MOHD RIDZUAN ABU HASSAN

SERENDAH

Nasib tujuh beranak yang tinggal di pondok dalam serba kekurangan di ladang sawit dekat Air Terjun Serendah mendapat perhatian Lembaga Zakat Selangor (LZS).

LZS menjelaki dan menemui keluarga Mohammad Ashraf Gopi Abdullah, 42, bagi menyalurkan bantuan sewajarnya, semalam.

Ketua Divisyen Komunikasi Korporat LZS, Datin Norajun Ainun

Mohd Hashim berkata, Mohammad Ashraf merupakan seorang mualaf yang memeluk Islam pada 2010.

Menurutnya, hasil daripada rekod LZS mendapati Mohammad Ashraf pernah mengikuti Kelas Faru'ain Mualaf (KFAM) yang dianjurkan Majlis Agama Islam Selangor (Mais) pada 2015 dan turut menerima eluan kehadiran kelas tersebut.

"Bagaimanapun tiada rekod selepas 2015 kerana Mohammad Ashraf tidak dapat dijejaki selepas berpindah bersama isteri dan anak-anaknya tanpa memaklumkan kepada panel dakwah mualaf (PDM) yang dilantik Mais.

"Sehubungan itu prihatin dengan kesusahan yang dihadapi, keluarga Mohammad Ashraf didaftarkan sebagai asnaf fakir di LZS," katanya.

Sinar Harian semalam melapor kan kisah Mohammad Ashraf bersama isteri dan lima anak yang mendiami pondok itu akibat kesusahan hidup.

**info**  
Keluarga Mohammad Ashraf didaftarkan sebagai asnaf fakir

pindahkan ke rumah sewa yang lebih bersesuaian yang dibayai LZS.

Menurutnya, Mohammad Ashraf juga akan mengikuti semula KFAM bagi meningkatkan kefahamaninya berkaitan Islam.

"Sementara itu, bantuan lain akan disalurkan berdasarkan kepada keperluan keluarga tersebut ber gantung kepada syarat dan kelayakan," katanya.

Sinar Harian semalam melapor kan kisah Mohammad Ashraf bersama isteri dan lima anak yang mendiami pondok itu akibat kesusahan hidup.



Kakitangan LZS bertemu Mohammad Ashraf bagi membantu keluarga tersebut.

Headline	Pamer aksi terbaik		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	14 Dec 2018	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	51	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	239 cm <sup>2</sup>
Journalist	AZIE YAHAYA	AdValue	RM 4,077
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,231



# Pamer aksi terbaik

*Pasukan  
Pembangunan  
Hoki MPK rangkul  
gelaran juara*

AZIE YAHAYA

KLANG

**P**asukan Pembangunan Hoki, Majlis Perbandaran Klang (MPK) bawah 12 tahun menjuarai Kejohanan Mini Karnival Hoki Remaja MBPJ, baru-baru ini.

Kira-kira 12 pasukan bawah 12 tahun terlibat dalam kejohanan itu yang diadakan di Stadium Hoki MBPJ.

Pengurus pasukan, Mazlan Ghani berkata, pasukannya berjaya mengalahkan pasukan FHT dari Kuala Lumpur, 1-0, dalam aksi perlawanan akhir.

Katanya, beliau berpuas hati dengan prestasi yang ditunjukkan anak buahnya apabila memperkenan aksi meyakinkan.

"Awal permainan, kedua-dua pasukan menunjukkan aksi seim-



**Pasukan Pembangunan Hoki MPK bawah 12 tahun yang menjuarai Kejohanan Mini Karnival Hoki Remaja MBPJ.**

bang, namun pemain saya lebih agresif dan mula mengatur gerakan kemas serta serangan terhadap pasukan lawan.

"Barisan serangan nampak berfungsi dengan baik dan mempraktikkan apa yang mereka belajar ketika sesi latihan.

"Kita bersyukur apabila kita berjaya menjaringkan gol dalam perla-

wanan sembilan sebelah yang berlangsung selama 20 minit itu," katanya.

Beliau berkata, lebih manis lagi apabila anak buahnya, Zahrah Zuyyin Effarizal dipilih sebagai Pemain Terbaik Kejohanan.

"Kita berharap kejohanan ini dapat memberi pendedahan kepada mereka' katanya.

Headline	Ganjaran RM41,000 menanti kaki pancing		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	14 Dec 2018	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	51	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	202 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,446
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,338



## Ganjaran RM41,000 menanti kaki pancing

**SHAH ALAM** - Ganjaran keseluruhan RM41,000 menanti kaki pancing sempena Pertandingan Memancing Shah Alam 2018, esok.

Lebih mengujakan, juara yang berjaya mendaratkan ikan paling berat bakal membawa pulang hadiah wang tunai RM10,000 berserta sebuah motosikal.

Tempat kedua pula bakal memenangi ganjaran wang tunai RM10,000, manakala tempat ketiga akan menerima wang tunai RM5,000.

Program anjuran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) itu dijangka bermula jam 7 pagi bertempat di Tasik Barat, Taman Tasik Shah Alam.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA, Shahrin Ahmad berkata, hadiah bagi tempat keempat akan menerima wang tunai RM3,000.

"Bagi tempat kelima, akan menerima wang tunai RM1,000 dan saguhati RM100 seorang bagi tempat ke-6 hingga ke-25.

"Yuran penyertaan bagi setiap joran adalah RM100 sahaja," katanya pada Majlis Pelepasan Ikan yang disempurnakan Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad.

Beliau berkata, pertandingan ini merupakan platform untuk menggalakkan aktiviti rekreasi dalam kalangan masyarakat khususnya warga Shah Alam.

"Selain itu, ia juga inisiatif MBSA mempromosikan Taman Tasik Shah Alam serta taman awam yang lain di sekitar Shah Alam.

"Pertandingan ini terbuka kepada orang ramai dan sebarang pertanyaan, boleh hubungi Jabatan Landskap MBSA di talian 0355222830 atau 0355222838," katanya



Pelepasan ikan disempurnakan oleh Ahmad Zaharin (kanan) bersama Ahli Majlis dan Pengarah Jabatan MBSA.

Headline	Red Giants Team Card inisiatif FAS hargai penyokong		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	14 Dec 2018	Color	Black/white
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	51	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	111 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,093
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,279



## **Red Giants Team Card inisiatif FAS hargai penyokong**

**SHAH ALAM** - Red Giants Team Card adalah satu inisiatif baharu Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS) bagi menghargai pemain ke-12 pasukan, iaitu penyokong.

FAS menerusi satu kenyataan memaklumkan, semangat dan pengorbanan itu turut dimanifestasikan dengan kempen tanda pagar #akuredgiants.

"Platform ini disediakan bagi memberi peluang kepada penyokong terlibat secara langsung dengan pasukan Selangor.

"Dalam masa sama, terdapat beberapa kelebihan istimewa yang datang bersama kad ini selain menjadi identiti Red Giants dan kunci peminat ke Stadium Shah Alam.

"Antaranya, dengan keahlian ini, pemilik Red Giants Team Card dapat tempah dan beli tiket perlawanan secara online dengan harga diskau," katanya.

Team Card itu seterusnya boleh digunakan sebagai tiket perlawanan.

Pemilik kad juga dapat menempah dan membeli barang rasmi FAS pada harga diskau.

Lebih menarik, pemegang Red Giants Team Card juga akan dapat berkongsi pendapat terus kepada pegawai-pegawai FAS dalam memilih dan mengambil beberapa keputusan penting bagi pasukan.

Red Giants Team Card turut sedia perlindungan insurans kemaflangan diri 24/7 di seluruh negara.

Headline	Back-to-school aid for students from B40 group		
MediaTitle	The Star		
Date	14 Dec 2018	Color	Full Color
Section	Metro	Circulation	201,943
Page No	10	Readership	605,829
Language	English	ArticleSize	238 cm <sup>2</sup>
Journalist	EMIRA FARAHNAZ	AdValue	RM 12,745
Frequency	Daily	PR Value	RM 38,235



## Back-to-school aid for students from B40 group



Dr Siti Mariah (right) presenting a new school bag to a student as Vadieul looks on.

By EMIRA FARAHNAZ  
metro@thestar.com.my

SOME 120 students in Seri Serdang are ready to start their new school year with new school bags, uniforms, shoes and socks given to them under a back-to-school initiative.

Seri Serdang Community Service Centre coordinator Vadieul Subramanian said the aid was distributed to students from Taman Serdang Jaya, Taman Seri Serdang, Equine Park and Seri Kembangan at Dewan Seri Indah in Seri Kembangan.

"The students who received the goods were from the B40 group, with one student from each family given the aid," he said.

State Health, Welfare, Women Empowerment and Family Committee chairman Dr Siti Mariah Mahmud urged parents to prepare healthy food and water for their children to take to school instead of giving pocket money. "Don't teach them to drink

sweet, flavoured drinks. Instead, add more vegetables and fruits in each meal.

"Reduce eating fast food and processed food like sausages and nuggets because these are low in nutrients," she said.

Dr Siti Mariah said the Women Empowerment Centre (PWB) would organise a series of knowledge-based and upskilling programmes exclusively for women.

At the event, Universiti Putra Malaysia Faculty of Medicine and Health Sciences head of department Dr Firdaus Mukhtar spoke on the importance of mental health to ensure students know how to handle stress.

She said 4.2 million people aged 16 and above in Malaysia suffered from mental illness.

"Based on research in 2006, psychiatric morbidity in children and teens increased by 20%, and the figure is still rising.

"The important part in dealing with stress is knowing how to love yourself," she added.



# 助吸引遊客促進旅業 雪政府為業者提建議

(吉隆坡13日讯) 雪州旅游局总经理诺鲁阿斯晋说，雪州政府将为旅游业者提出各种促进旅游业建议，协助吸引国外游客到来雪州及推动经济成长。

她在文告中说，在雪州经济上，来自旅游业的贡献占了50亿令吉，主要来自游客们消费及策略性的促销活动。

她说，“发现雪兰莪，大马心脏地带”(discover selangor ,heart of malaysia) 和“digital campaign #TakeMeAnywhere”都是雪州主要推动旅游业的活动，而在2019年“旅游目的地”(tourism destination) 则将会成为推动旅游业项目的活动。

她指出，当局也继续推动新市场，原有旅客主要来自中国、印度、亚太国家、日本和欧洲，新市场则来自香港、台湾和俄罗斯，并会在中国、印度和日本的第二线城市推动旅游雪州的项目。

她说，当局也希望各旅游业者能给予配合，全年性的推动旅游促销活动，而不单只是在旅游旺季时期。

“在2019年财政预算案之中，我们希望在瓜雪、沙白和乌雪推动生态旅游，也把医疗和教育旅游，以及酒店业列为焦点2019年项目，确定新的旅游市场、增加雪州住宿量，培训区当地社区导游，作为地方性旅游、文化等解说员。”

她说，当局也推动各景点区，计有巴生皇城导览活动、瓜雪的天空之镜、达迈洞穴探险、万宜wonderland 、丹绒士拔、雪州水果园、Mitsui Outlet Park KLIA等。



14 Dec 2018  
China Press, Malaysia

Author: No author available • Section: Central • Page: C2 • Printed Size: 177.00cm<sup>2</sup>  
Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color • ASR: MYR 3,491.42  
Item ID: MY0034578541

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR  
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT  
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.  
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: setiahs@selangor.gov.my



isentia.mediaportal

